

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- a) berapa jumlah kes kehilangan kanak-kanak yang berlaku daripada tahun 2010 hingga tahun 2019 dan apakah perincian jumlah kes yang belum dan telah diselesaikan mengikut pecahan bulan, umur dan negeri; dan
  
- b) apakah faktor berlakunya kes kehilangan kanak-kanak dan apakah strategi Kerajaan mengekang masalah ini daripada terus berleluasa dan meningkat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebanyak 15,042 kes kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun telah dilaporkan hilang sejak tahun 2011 hingga 31 Mei 2019. Mengikut rekod, kanak-kanak berumur di bawah 1 tahun hingga 6 tahun adalah seramai 154 orang, 7 tahun hingga 12 tahun seramai 630 orang, 13 tahun hingga 15 tahun seramai 6,935 orang dan baki 7,323 orang pula adalah kanak-kanak yang berumur 16 tahun hingga 18 tahun. sehingga kini seramai 14,679 orang kanak-kanak telah dijumpai semula manakala baki 363 orang kanak-kanak masih lagi hilang.

Bagi menjawab soalan (b) pula, PDRM tidak menjalankan kajian bagi mengetahui punca-punca berlakunya kehilangan kanak-kanak ini. Walau bagaimanapun berdasarkan siasatan kes yang dijalankan, antara penyebab ramai kanak-kanak keluar rumah dan hilang adalah kerana ingin mencari kebebasan, terpengaruh dengan rakan dan mengikut kenalan atau kekasih. Malahan, terdapat juga kes yang melibatkan salah faham sesama ahli keluarga dan kurangnya perhatian ibubapa.

Dalam usaha mengurangkan kes kanak-kanak hilang, kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak, pihak PDRM sentiasa memberi kerjasama dengan mana-mana organisasi seperti Institut Pengajian Tinggi (IPT), badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan program-program kesedaran yang berkaitan. Dengan adanya kempen kesedaran sedemikian, diharap masyarakat akan lebih prihatin tentang jenayah terutama yang melibatkan kanak-kanak.

PDRM juga dari semasa ke semasa akan terus memperkasakan laman portal kanak-kanak hilang yang dikendalikan oleh PDRM (<https://knk2hilang.rmp.gov.my>) untuk penghebahan kes kanak-kanak hilang. Portal ini bertujuan untuk memudahkan lagi penyaluran maklumat kes kehilangan kepada orang ramai bagi mendapatkan bantuan atau maklumat di dalam usaha menyelamatkan kanak-kanak berkenaan.

Pada masa yang sama, data berkaitan laporan kehilangan kanak-kanak

**SOALAN: 32**

yang berumur bawah 12 tahun akan turut disebarluaskan melalui medium *National Urgent Response Alert (NUR Alert)* bagi mendapatkan bantuan orang ramai di dalam usaha mengesan keberadaan kanak-kanak tersebut. Maklumat kehilangan kanak-kanak berkenaan akan dikongsikan kepada beberapa agensi yang lain seperti pihak bank, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), penyedia perkhidmatan telekomunikasi (*service provider*) dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Medium *NUR Alert* ini adalah kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan cara pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di Sarawak. Nyatakan cabarannya dan perbelanjaan yang diperlukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Dual Language Programme* (DLP) di Sarawak telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 melibatkan 35 buah sekolah menengah dan 32 buah sekolah rendah. Manakala pada tahun 2017, sebanyak 48 buah sekolah menengah dan 72 buah sekolah rendah telah ditawarkan untuk melaksanakan DLP. Pada tahun 2018, sebanyak 26 buah sekolah menengah dan 48 buah sekolah rendah didapati mempunyai kesediaan untuk melaksanakan DLP berdasarkan permohonan ibu bapa kepada pihak sekolah.

Bagi tahun 2019, DLP hanya dibuka kepada enam (6) buah sekolah menengah baharu yang telah dikenal pasti sebagai sekolah *acceptor* bagi kesinambungan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris kepada murid-murid Tahun Enam di sekolah rendah yang melaksanakan DLP (Kohot 2016). Walau bagaimanapun, sebuah sekolah, iaitu SMK (BM) Saratok tidak dapat melaksanakan DLP kerana tidak memenuhi syarat pembukaan kelas DLP setelah menerima jumlah permohonan daripada ibu bapa yang kurang daripada 15 orang.

Dari tahun 2016 hingga 2019, jumlah keseluruhan sekolah rendah dan menengah melaksana DLP di Sarawak adalah sebanyak 266 buah, iaitu 152 buah sekolah rendah dan 114 buah sekolah menengah. Pelaksanaan peluasan DLP di Sarawak, iaitu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris masih dalam proses perbincangan antara Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak (MESTR) setelah perbincangan awal pada 28 Mei 2019 di JPN Sarawak, Kuching.

Antara cabaran awal yang dikenal pasti ialah kesediaan dalam aspek membangunkan kapasiti guru Sains dan Matematik serta penyediaan buku teks kepada murid-murid Tahun 1 yang anggarannya seramai 24,800 melibatkan anggaran kos berjumlah RM903,960.00. Perkara ini masih dalam peringkat perbincangan dan masih belum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

RJM 121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED  
SADIQUE [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 34**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membentuk satu polisi komprehensif yang berteraskan teknologi untuk diserapkan di kesemua sekolah di Malaysia sebagai usaha untuk melahirkan tenaga kerja yang seiring dengan perkembangan era digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) pada masa hadapan, sekiranya ada, bilakah garis masa untuk polisi ini dibentangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyokong Kerangka Kerja Dasar Negara mengenai Industri 4.0 atau Industry4WRD yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 31 Oktober 2018. Di bawah dasar ini, KPM bersama-sama Kementerian Tenaga Manusia menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modal Insan. Jawatankuasa ini berperanan untuk mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaras dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkuatkkan kompetensi sumber manusia bagi menghadapi IR 4.0 melalui 2 strategi utama, iaitu:

1. meningkatkan keupayaan tenaga kerja sedia ada melalui perkembangan kebangsaan yang direka khusus bagi sektor

pembuatan dan membantu dalam penambahan kemahiran (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*); dan

2. memastikan ketersediaan bakat masa hadapan dengan melengkapkan pelajar dengan kemahiran terkini untuk bekerja dalam suasana Industri 4.0.

Seiring dengan strategi tersebut, kurikulum persekolahan bermula dari peringkat sekolah rendah telah direka bentuk dengan menerapkan elemen-elemen yang memenuhi keperluan IR 4.0. Berlandaskan polisi kurikulum kebangsaan sedia ada, elemen-elemen ini disampaikan melalui kurikulum secara eksplisit melalui mata pelajaran khusus dan secara implisit melalui elemen merentas kurikulum seperti pemikiran atau teknologi komputasional.

Di peringkat sekolah rendah, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) telah mula mendedahkan murid kepada elemen asas RI 4.0 terutamanya dalam aspek asas pengaturcaraan mudah meliputi algorithma, *pseudocode* dan carta alir dengan penggunaan perisian seperti *Scratch*, *Arduino*, *Microbits* dan sebagainya. Murid juga didedahkan kepada elemen robotik dalam pembelajaran mereka.

Pada peringkat sekolah menengah rendah, murid yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran RBT didedahkan kepada pengaturcaraan yang lebih kompleks di mana murid perlu menghasilkan projek elektronik menggunakan pengaturcaraan di samping mereka turut diperkenalkan dengan sistem kawalan.

Pada peringkat menengah atas, murid boleh memilih salah satu mata pelajaran elektif yang menjurus kepada bidang teknikal dan vokasional berdasarkan kepada minat dan kecenderungan murid. Antara mata pelajaran yang terlibat adalah seperti Sains Komputer, Automotif, Pengajian Kejuruteraan Eklektrik, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN DR. KELVIN YII LEE WUEN  
(BANDAR KUCHING)**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan langkah-langkah untuk menangani kegiatan penyalahgunaan dadah termasuk syabu yang semakin berleluasa di beberapa kawasan di Sarawak termasuk kawasan pedalaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menangani isu-isu dadah di Sarawak, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menjalankan pelbagai program sama ada di bandar dan luar bandar termasuk di kawasan kampung mahupun di rumah-rumah panjang di pedalaman Negeri Sarawak. Antaranya program yang dilaksanakan ialah *Family On Alert* (FOA), Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) di Jabatan-jabatan Kerajaan dan Swasta, Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) di sekolah-sekolah rendah, Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) di sekolah-sekolah menengah, program *Tomorrow Leader's* di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Program Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab (SMART) untuk para belia, program di tempat ibadah seperti di masjid dan gereja, program *Community Empowerment*, pameran serta ceramah.

Bermula dari bulan Januari 2019 sehingga Jun 2019, pihak AADK telah melaksanakan 473 program dan aktiviti untuk masyarakat dan komuniti di Sarawak. Semua program ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Jabatan RELA, Jabatan Penjara, IPTA dan IPTS, KRT, Majlis Pembangunan Sosial Negeri Sarawak, Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan pihak Majlis Daerah di Sarawak membuktikan bahawa KDN sentiasa bekerjasama dengan semua Kementerian / Jabatan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan masalah dadah dapat dibendung di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- i) Adakah terdapat sebarang perancangan oleh Kementerian untuk meningkatkan gaji anggota polis berpangkat rendah sebagai langkah untuk meningkatkan integriti pasukan polis; dan
  
- ii) Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam menjaga kebajikan dan keperluan anggota polis berpangkat rendah

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan membuat kajian untuk menambah baik skim perkhidmatan, gaji dan elaun-elaun serta kemudahan asas yang lain untuk membantu anggota-anggota PDRM yang berpangkat rendah menangani kos sara hidup yang kian meningkat untuk pertimbangan pihak berwajib.

Skim gaji perkhidmatan PDRM yang digunakan masa kini adalah berdasarkan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Polis Diraja Malaysia Tahun 2016 (Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016).

Susulan daripada permohonan Ketua Polis Negara kepada Perdana Menteri baru-baru ini untuk menaikkan gaji Pegawai Polis PDRM dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan menjaga kebajikan Pegawai Polis, Jabatan Pengurusan PDRM telah mengadakan sesi "*Brainstorming*" di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor bermula 17 hingga 19 Jun 2019 sebagai usaha pertama untuk mendapatkan input-input daripada semua bahagian yang berkenaan dalam merealisasikan permintaan Ketua Polis Negara. Namun demikian, bagi memperhalus permohonan ini, beberapa siri bengkel akan diadakan dalam masa terdekat untuk menghasilkan kertas kerja (*executive paper*). Ini untuk memastikan permohonan PDRM menjustifikasikan penugasan hakiki, beban kerja, dan risiko yang ditanggung oleh Pegawai Polis PDRM.

PDRM sentiasa diberikan keutamaan dalam perancangan bajet kerajaan bagi membolehkan perkhidmatan yang diberikan dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa berada di tahap yang optimum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L  
M PARAMESWARAN (BATU)**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis panduan dan tindakan yang telah diambil kepada peniaga yang mengajikan pekerja asing tanpa izin dan pengusaha yang memajakkan peniagaan mereka kepada pekerja asing tanpa izin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain terutamanya Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warganegara asing. JIM juga turut melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyalurkan maklumat keberadaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Operasi penguatkuasaan bersepada yang melibatkan pelbagai agensi lain merekodkan sebanyak 492 operasi manakala pihak JIM sendiri telah melaksanakan 7,940 operasi mulai 1 Januari hingga 4 Jun 2019 yang melibatkan pemeriksaan hampir 100,000 orang warganegara asing. Seramai 23,295 orang PATI dan 605 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang. Daripada jumlah tersebut, warganegara Indonesia merupakan PATI yang paling ramai ditangkap iaitu 8,011 (34%) dan diikuti oleh warganegara Bangladesh seramai 5,272 orang (23%) dan bakinya adalah warganegara Myanmar, Filipina, Thailand dan lain-lain. Dalam tempoh 5 bulan (1 Januari hingga 1 Jun 2019) juga, seramai 26,116 orang PATI telah diusir ke negara asal.

Selain itu, dalam tempoh yang sama seramai 605 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63. Majikan yang dikesan menggaji PATI boleh diambil tindakan tegas di bawah Akta Imigresen 1959/63 di mana majikan akan didakwa bagi kesalahan utama di bawah Seksyen 55A untuk membawa masuk PATI secara tidak sah ke dalam negara, Seksyen 55B untuk menggaji PATI yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap orang yang diambil bekerja, Seksyen 55E untuk membenarkan PATI masuk dan tinggal di premis dan Seksyen 56(1)(d) untuk kesalahan melindungi PATI. Di samping itu, majikan juga boleh didakwa di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010) (ATIPSOM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warganegara asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan menggunakan lesen milik penduduk tempatan. KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008 kepada semua PBT.

Antara inti pati yang ditekankan di dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:

- i. pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- ii. pemilik permit hendaklah berada di tempat bermiaga pada sepanjang masa;
- iii. tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warganegara asing; dan
- iv. PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

Di bawah Seksyen 104, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), PBT juga boleh dengan undang-undang kecil iaitu kaedah atau peraturan, menetapkan denda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah dan peraturan dan, mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan ia boleh menetapkan sejumlah wang tidak melebihi RM200 bagi setiap 1 hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN (SEMBRONG)**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menambah baik dasar pertahanan negara selepas menghadiri Dialog Shangri La sepanjang 31 Mei - 2 Jun 2019 di Singapura.

**JAWAPAN**

Tuan Yang – Dipertua,

Dialog Shangri-La merupakan antara platform terbaik bagi kementerian untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung isu keselamatan serantau dan global serta pendirian negara-negara berkaitan isu berkenaan. Acara tahunan ini dihadiri oleh pengamal - pengamal keselamatan dan pertahanan daripada seluruh dunia juga merupakan platform untuk bertukar pandangan berkenaan kerjasama pertahanan secara dua-hala dengan rakan – rakan strategik. Seperti Dewan sedia maklum, Kementerian adalah sedang dalam proses untuk menggubal semula Dasar Pertahanan Negara yang akan diterbitkan dalam bentuk Kertas Putih Pertahanan.

Hasil interaksi di sepanjang Dialog Shangri-La baru-baru ini mengesahkan bahawa iklim keselamatan di rantau ini adalah tidak menentu. Ketidaktentuan dalam hubungan politik kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China merupakan faktor utama yang mempengaruhi persekitaran luaran Malaysia dan negara ASEAN yang lain. Domain maritim seperti Laut China Selatan dan Selat Melaka dijadikan sebagai satu alat geopolitik kuasa – kuasa tertentu dalam menonjolkan postur pertahanan masing – masing. Pengenalan konsep *Indo-Pacific Strategy* sebagai contoh telah memberi cabaran kepada negara – negara ASEAN. Globalisasi dan trend – trend berkaitan seperti Revolusi Industri ke-4 telah menjadikan isu keselamatan tradisional dan bukan tradisional semakin dinamik dan mencabar.

Berdasarkan maklumat yang dikumpul, kepentingan strategik nasional perlu disusun semula berdasarkan keutamaan. Kedudukan geostrategik Malaysia sebagai sebuah negara maritim yang dikelilingi oleh tiga lautan utama iaitu Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu akan diberikan keutamaan pertama. Selain itu, domain siber adalah domain terbaru yang akan turut diberi keutamaan. Keutamaan kepentingan strategik nasional ini juga akan memberi panduan dalam pelan pembangunan keupayaan ATM untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Penyediaan Kertas Putih Pertahanan akan memberi peluang kepada Malaysia untuk menzahirkan pendirian Malaysia ke atas isu – isu keselamatan yang boleh menjaskannya kepentingan Malaysia. Ianya akan dapat memastikan keberadaan profil Malaysia di arena antarabangsa dan merupakan satu bentuk sumbangan Malaysia dalam rangka kerja dasar hubungan global. Penzahiran pendirian Malaysia ini seterusnya akan mencipta peluang bagi Malaysia dan meningkatkan keyakinan negara luar untuk terus meningkatkan usaha diplomasi pertahanan melalui peningkatan rangkaian kerjasama pertahanan dua-hala, pelbagai-hala juga dengan organisasi serantau.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[SEKIJANG ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 39**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan:

- a. sama ada pihak Kementerian berhasrat untuk mewujudkan kursus-kursus lanjutan untuk guru-guru yang hanya akan mengajar dan mendidik murid-murid *autisme*; dan
- b. apakah kesediaan Kementerian untuk menempatkan kanak-kanak *autisme* ini di dalam satu kelas sahaja tanpa perlu untuk bercampur dengan kanak-kanak yang memiliki keupayaan yang berlainan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan kompetensi semua guru di bawah KPM berada pada tahap yang cemerlang termasuklah guru-guru pendidikan khas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kursus-kursus lanjutan bagi guru-guru pendidikan khas termasuk guru pendidikan khas yang mengajar kanak-kanak autisme telah dilaksanakan oleh KPM. Perkara ini juga telah dinyatakan dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK). Latihan guru pendidikan khas diberikan secara berterusan melalui program peningkatan profesionalisme berdasarkan keperluan dan ketidakupayaan murid. Selain itu, bagi membantu guru pendidikan khas meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, KPM juga telah menyediakan modul secara atas talian.

KPM telah mengadakan beberapa siri program pembangunan kompetensi guru pendidikan khas melalui pelbagai kaedah seperti Latihan Dalam Perkhidmatan, Bengkel, Kursus, E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA), bacaan buku. Kursus yang diadakan adalah seperti berikut:

1. Sejumlah 39 siri Bengkel Pembangunan Kompetensi Guru yang melibatkan 764 peserta;
2. Sejumlah 13 siri Kursus Pembangunan Kompetensi Guru yang melibatkan 888 peserta; dan
3. Sejumlah tiga (3) Latihan Dalam Perkhidmatan yang melibatkan 250 peserta.

Selain daripada itu, bermula pada tahun 2019, KPM telah mengambil inisiatif mengadakan sesi perkongsian ilmu pendidikan khas secara percuma kepada masyarakat umum yang melibatkan guru-guru, ibu bapa MBK atau sesiapa sahaja yang berminat pada hujung minggu. Kursus tersebut diadakan pada hari sabtu minggu kedua dan keempat setiap bulan. Sehingga kini, sebanyak tiga siri kursus berkaitan autisme telah diadakan.

**NO. SOALAN: 39**

- b) Menyentuh tentang pengasingan kelas, pada masa ini KPM tidak berhasrat untuk mengasingkan murid berkeperluan khas mengikut kategori ketidakupayaan mereka. Hal ini adalah bagi menggalakkan inklusiviti di sekolah sebagai persediaan MBK bergaul dengan masyarakat umum setelah tamat persekolahan.

KPM mengakui bahawa murid yang mempunyai keperluan khusus memerlukan lebih banyak sokongan. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk menyediakan lebih sokongan dan program untuk murid MBK. KPM melalui pelaksanaan Program Sarana telah memberikan peluang kepada pihak sekolah untuk melibatkan pihak-pihak atau agensi luar untuk datang ke sekolah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru bagi membantu sekolah dalam menyediakan program untuk murid MBK.

Sekian, terima kasih.

RJM 124

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pertanian dalam memajukan sektor pertanian kawasan Parlimen P.207 Igan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan pertanian bagi tujuan meningkatkan taraf hidup petani di seluruh Negeri Sarawak termasuklah di kawasan Igan.
  
2. Melalui RMK 11, Parlimen Igan telah menerima peruntukan berjumlah RM1.6 juta dan kawasan seluas 120.2 ha telah dibangunkan dengan aktiviti pertanian yang melibatkan 140 orang peserta. Pelbagai program telah dilaksanakan dan skim bantuan yang disediakan seperti berikut :
  - i. Program Pembangunan Tanaman Sayuran Dan Kontan dengan Skim Bantuan Pembangunan Sayur Sistem Terbuka, Jejaring dan Fertigasi serta Bantuan Pembangunan Tanaman Kontan;

**SOALAN NO: 40**

- ii. Program Pembangunan Industri Buah-Buahan dengan Skim Bantuan Penanaman Buah-buahan Bermusim dan Tidak Bermusim;
  - iii. Program Pembangunan Industri Kelapa dengan Skim Bantuan Tanaman Semula dan Pemulihian Kebun Kelapa; dan
  - iv. Program Ladang Kontrak.
3. Sebagai contoh, sehingga tahun 2018, kawasan seluas 6 ha telah dibangunkan dengan tanaman jagung yang melibatkan 11 orang peserta dan dijangka meraih pendapatan sebanyak RM1,590.83/ musim.

Sekian, terima kasih.